



MSAM 2011 Terima Sokongan Berterusan Syarikat Kumpulan PNB

Kuala Lumpur :- Minggu Saham Amanah Malaysia 2011 (MSAM 2011), anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) kali ini mendapat kerjasama 12 syarikat pelaburan PNB yang terdiri daripada Rakan Premier, Rakan Utama, Rakan Program Keagamaan dan Rakan Teknologi yang memberi pelbagai sumbangan untuk menjayakan program MSAM 2011 ini.

Malayan Banking Berhad (Maybank) sekali lagi muncul sebagai penaja terutama program MSAM ini sebagai Rakan Premier MSAM 2011. Selain daripada tajaan berbentuk wang ringgit, Maybank turut menyediakan program-program serta aktiviti-aktiviti berasaskan pelaburan dan perancangan kewangan melalui gerai pamerannya. Tahun lalu, gerai pameran Maybank telah diundi oleh para pengunjung di Kuching, Sarawak

sebagai gerai paling popular sewaktu program MSAM 2010.

Selain daripada Maybank, Sime Darby Berhad, I & P Group Sdn Berhad dan UMW Holdings Berhad juga turut menjadi penaja MSAM tahun ini sebagai Rakan Premier.

Rakan Utama pula terdiri daripada Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), MNRB Holdings Berhad, NCB Holdings Berhad, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas).

Rakan Program Keagamaan kekal diwakili oleh Takaful IKHLAS Sdn Bhd sementara Pernec Corporation Berhad sekali lagi

berperanan sebagai Rakan Teknologi.

Di samping tajaan program MSAM, Sime Darby Berhad tahun ini turut menyumbangkan 15,000 botol minyak masak jenama Alif untuk diagihkan kepada para pengunjung. Kontena Nasional Berhad, ahli kumpulan NCB Holdings Berhad turut menyediakan dua buah kontena untuk digunakan sepanjang MSAM. Selain itu, CCM turut menyumbang hamper vitamin untuk para pengunjung sementara MIDF sekali lagi muncul sebagai penaja bersama Simposium Usahawan PNB-MIDF.

MSAM yang dilancarkan sejak tahun 2000 telah menarik kira-kira dua juta pengunjung.



Dato' Sri Abdul Wahid Omar
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
Maybank



Dato' Mohd Bakke Salleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad dan Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad



Dato' Ir Jamaludin Osman
Pengaruh Urusan Kumpulan
I&P Group Sdn Berhad



Hadiah Menarik Untuk Dimenangi Di MSAM 2011

Kuala Lumpur :- Minggu Saham Amanah Malaysia 2011 (MSAM 2011), yang akan berlangsung di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Ipoh, Perak menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada orang ramai yang mengambil bahagian dalam pertandingan e-peraduan sepanjang tujuh hari acara tersebut diadakan.

Hadiah utama bagi e-peraduan ialah sebuah kereta Toyota Vios sumbangan UMW Holdings Bhd dan sebuah kereta Perodua Alza sumbangan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd. E-peraduan utama terbuka kepada orang ramai mulai hari pembukaan MSAM 2011 pada 20 April 2011 sehingga

25 April 2011. Pemenang akan dimaklumkan kepada orang ramai pada majlis penutup MSAM 2011 pada 26 April 2011.

Pertandingan harian e-peraduan pula menawarkan hadiah seperti motosikal, TV LCD 42 inci, TV LCD 32 inci, komputer riba, kamera video digital, basikal serta pelbagai barangan elektrik serta hamper. Hadiah-hadiah ini akan diumumkan secara harian kepada pemenang setiap hari.

Pertandingan e-peraduan ini menguji kefahaman pengunjung tentang maklumat-maklumat yang dipamerkan di dewan pameran MSAM 2011 melalui soalan-soalan yang perlu dijawab dengan tepat diiringi dengan sebuah slogan.

Kesemua hadiah-hadiah dalam e-peraduan itu adalah sumbangan dari rakan-rakan MSAM yang merupakan syarikat-syarikat pelaburan PNB yang menjadi penaja program tersebut.

Acara selama tujuh hari tersebut akan memuatkan pelbagai aktiviti pendidikan pelaburan dan dibuka dari jam 10 pagi hingga 10 malam secara percuma kepada orang ramai.

Majlis perasmian acara MSAM ini akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada 20 April manakala majlis penutup akan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin pada 26 April.

